

12 JAN 1997

PERDANA MENTERI BERLEPAS KE AMERIKA UNTUK MEMPROMOSI MSC

PETALING JAYA, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Amerika Syarikat hari ini dalam usaha untuk memperkenalkan Koridor Raya Multi Media (MSC) Malaysia.

Dr Mahathir diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Yang turut menyertai delegasi ialah Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Dr Mahathir dan delegasi dijangka singgah di Los Angeles untuk menghadiri mesyuarat industri di University of California.

Beliau kemudian akan ke San Francisco dan di sana, beliau akan mempengerusikan Panel Penasihat Antarabangsa bagi mesyuarat MSC di Stanford University.

Dari Amerika Syarikat, Dr Mahathir akan berlepas ke Jepun sebelum menamatkan misi itu pada 20 Jan. Beliau dijadualkan berucap kepada ketua pegawai eksekutif Jepun mengenai MSC dan berbincang dengan tokoh-tokoh industri di Tokyo.

Lawatan ini menyaksikan buat pertama kali penyertaan wakil pertubuhan pekerja dalam misi pelaburan ke seberang laut. Cuepacs memilih setiausaha Agungnya, N.Siva Subramaniam untuk tujuan itu. -- BERNAMA

AZZ FAZ